

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
24 MEI 2024**

PERKARA : 5(B)79

**SOALAN LISAN OLEH AHLI KAWASAN BERAPIT
YB HENG LEE LEE**

79. Nyatakan jenis rumput yang ditanam di Stadium Batu Kawan dan Stadium Bandaraya bagi latihan bola sepak.
- (a) Adakah Kerajaan Negeri akan menaik taraf rumput zeon zoysia di memandangkan terdapat seruan pihak MFL untuk berbuat demikian?

**YB GOOI ZI SEN
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

79. Stadium Negeri Pulau Pinang (SNPP) atau dikenali juga sebagai Stadium Batu Kawan dan Stadium Bandaraya Pulau Pinang adalah dua *venue* yang sering digunakan bagi melaksanakan aktiviti sukan termasuk latihan bola sepak. Jenis rumput yang ditanam di kedua-dua stadium ini adalah menggunakan rumput jenis *cow-grass*.
- (a) Buat masa kini, Kerajaan Negeri melalui pihak Perbadanan Stadium dan Kawasan Lapang Pulau Pinang (PSDKLPP) tiada

perancangan untuk menukar rumput jenis 'zeon zoysia' di SNPP atas faktor seperti berikut:

- (i) SNPP bukan lokasi utama untuk pertandingan Liga Super atas faktor limitasi lampu limbah. Oleh itu, pihak PSDKLPP sedang memberi fokus kepada projek menaik taraf lampu limbah bagi memenuhi kriteria *Malaysia Football League* (MFL) untuk membolehkan pertandingan peringkat tertinggi bola sepak dapat diadakan di SNPP.
- (ii) SNPP mempunyai kegunaan lain selain latihan bola sepak iaitu latihan sukan, atlet, sukan-sukan sekolah, acara pihak swasta dan aktiviti riadah orang awam.
- (iii) PSDKLPP dalam usaha mengurangkan kos operasi dan meningkatkan pendapatan melalui pelbagai jenis program dan aktiviti di SNPP bagi tempoh perancangan lima (5) tahun. Penukaran jenis rumput zeon zoysia di SNPP akan melibatkan implikasi kos yang lebih tinggi dan meningkatkan perbelanjaan PSDKLPP.

Pihak Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) juga tidak bercadang untuk menaik taraf rumput jenis zeon zoysia di Stadium Bandaraya Pulau Pinang memandangkan kos pengurusan dan penyelenggaraan rumput jenis ini adalah tinggi, termasuk keperluan tapak semaian (nursery).